

# Kerajaan negeri halang pembesaran Jeti Swettenham

[FOTO STR/ZULAIKHA ZAINUZMAN/BH]



**Teik Cheng menunjukkan pelan pelabuhan yang sedia ada** pada sidang media berhubung isu membesarkan Pelabuhan Pulau Pinang di Terminal Swettenham Pier Cruise, Georgetown, Pulau Pinang.

**Georgetown:** Keengganan kerajaan DAP Pulau Pinang meluluskan permohonan geran tanah yang dikemukakan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (PPC) didakwa menjadi punca kegagalan menaik taraf Jeti Swettenham.

Pengerusi PPC, Datuk Tan Teik Cheng, berkata permohonan membangun dan memperbesarkan jeti berkenaan sudah dikemukakan sejak 2009, malah wang premium RM15 juta juga sudah dibayar kepada kerajaan negeri.

Katanya, PPC juga sudah berbincang bagi memohon kerajaan negeri melanjutkan tempoh pajakan kawasan berkenaan kepada 99 tahun dengan surat permohonan bagi tujuan itu dikemukakan pada 15 September 2009.

"Berikutan itu, pada 6 Januari 2010, kerajaan negeri meluluskan permohonan pajakan 99 tahun dan PPC membayar wang premium Lot Sempadan berjumlah RM10.49 juta pada 20 April 2010.

"Bagaimanapun, kerajaan negeri

membatalkan permohonan berkenaan dan memulangkan wang premium kepada PPC tanpa mengemukakan sebarang alasan pada 12 Mei 2010," katanya pada sidang media di sini, semalam.

## Besarkan jeti

Beliau berkata demikian mengulas kenyataan EXCO Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan negeri, Law Heng Kiang yang menggesa Kerajaan Persekutuan membesarkan Jeti Swettenham bagi menampung peningkatan jumlah pelancong ke negeri ini.

Ahad lalu, Heng Kiang mendesak Kerajaan Persekutuan berbuat demikian selepas mendapati keperluan untuk menampung 190 kapal persiaran antarabangsa dengan kapasiti 200,000 pelancong yang jangka berlabuh di jeti itu.

Teik Cheng berkata, tindakan kerajaan negeri memulangkan wang premium yang dibayar dan membatalkan permohonan sambungan pajakan tanpa berunding,